




UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PEKELILING PENDAFTAR

Bil. 9/2007

Assalamualaikum wbt.

Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

PEPERIKSAAN DAN KURSUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA (SSM) BAGI TAHUN 2007



Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi MARA (UiTM) akan menganjurkan peperiksaan dan kursus Penilaian Tahap Kecekapan bagi tahun 2007 mulai bulan Julai 2007. Staf dipelawa memohon untuk menduduki Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) sebagai salah satu syarat anjakan gaji dan kenaikan pangkat mengikut skim perkhidmatan masing-masing. Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) ini akan dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM), Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam untuk staf pentadbiran sahaja. Tarikh sebenar peperiksaan dan kursus akan dimaklumkan kemudian.

1.0 SYARAT-SYARAT LAYAK UNTUK MENDUDUKI PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)

- 1.1 Membuat permohonan rasmi secara online
- 1.2 Memilih Sistem Saraan Malaysia
- 1.3 Berjawatan Tetap
- 1.4 Prestasi terkini sekurang-kurangnya 80%
- 1.5 Telah disahkan dalam jawatan
- 1.6 Berada di jawatan sekarang secara hakiki sekurang-kurangnya setahun
- 1.7 Disokong oleh Ketua Jabatan

2.0 MAKLUMAT TAHAP KECEKAPAN DAN KAEADAH PENILAIAN

Maklumat lanjut berkaitan Tahap Kecekapan dan Kaedah Penilaian boleh didapati dengan melayari laman web UiTM di www.uitm.edu.my. Tuan/puan diminta mendaftar dengan portal i-staf untuk membolehkan capaian dibuat kepada permohonan menduduki Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) secara on-line.

Peperiksaan dan Kursus Penilaian Tahap Kecekapan ini melibatkan semua skim perkhidmatan mengikut gred-gred jawatan yang berkenaan.

3.0 Staf yang memohon semakan semula keputusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) 2006 adalah dikehendaki juga mendaftar untuk menduduki Peperiksaan dan Kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) 2007.

4.0 PERMOHONAN

Semua permohonan hendaklah dibuat secara on-line seperti di para 2.0. Permohonan tersebut hendaklah dimajukan kepada Ketua Bahagian masing-masing. Tuan/puan yang menghadapi masalah berhubung perkara ini bolehlah berhubung dengan 'moderator' di Bahagian/ Fakulti/Cawangan masing-masing.

5.0 TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan yang telah lengkap diisi secara on-line hendaklah sampai ke Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM), Pejabat Pendaftar UiTM Shah Alam sebelum atau pada **26 JUN 2007**

Sehubungan itu, suacita kiranya Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada semua staf Pentadbiran Y.Bhg. Dato'/ Datin/ Prof./ Tuan/ Puan yang berkenaan.

Sekian.

Yang benar



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR
Pendaftar

No. Fail: 100-BPD(JPbSM/UL/Pep. 6/3)
Tarikh : **28 MAY 2007**

s.k. - Y.Bhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah
Naib Canselor